

Segera rebut peluang niaga

BATU PAHAT- Rebut peluang perniagaan dan bimbingan usahawan sempena program Gerak Usahawan 2016 yang akan diadakan Sabtu ini di Padang Kawad Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) bermula jam 2 petang.

Program bertujuan mewujudkan satu platform

kepada usahawan Johor dalam kluster gaya hidup iaitu pakai-

an dan aksesori menerusi Local Fashion Show yang ditawarkan pada hari tersebut.

Antara jenama yang akan diperagakan ialah Chenta Watie Scarf (tudung dan selendang), Bangsa Johor (pakaian). Lanun Johor (pakaian), Wan A Shoe - Kolej Komuniti Pasir Gudang (kasut), TIMS (pakaian), Stickybox (pakaian) dan Airwood (kaca mata hitam)

Program anjuran Mara Johor dengan kerjasama Entrepreneur Development Centre (EDC) ini turut menawarkan bimbingan bantuan meningkatkan penjenamaan produk dan pemasaran secara berterusan dalam kalangan usahawan dan pengusaha yang terlibat dalam program ini menerusi slot Pocket Talk, Boost Your Sales with Mara.



**GERAK
USAHAWAN 2016**